

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK KERTAS KERJA	:	Cadangan Pembelian Alat Pengimbas Suhu Infrared Tanpa Sentuh AI Bebas Tangan (<i>Handsfree AI Infra Red Thermometer</i>), penambahan pembelian pelitup separuh muka dan cecair pembasmi kuman di ibu pejabat.
TARIKH	:	5 Ogos 2020
TUJUAN	:	Kertas cadangan adalah untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC bagi membeli Pembelian Alat Pengimbas Suhu Infrared Tanpa Sentuh AI Bebas Tangan (<i>Handsfree AI Infra Red Thermometer</i>), penambahan pembelian pelitup separuh muka dan cecair pembasmi kuman di ibu pejabat.
OBJEKTIF	:	1) Kerja pengimbasan dapat dilakukan secara tanpa kontak terus dengan individu lain; 2) Pendaftaran individu dilakukan secara automasi dengan mudah dan pantas di pintu masuk seperti bangunan pejabat; 3) Log kemasukan individu dapat dikawal selia lebih baik; dan 4) Penambahan bagi stok pelitup separuh muka dan cecair pembasmi kuman untuk kegunaan warga dan pelanggan ke MPC.
PEMBEKAL ALATAN YANG DISYORKAN		
SYOR & KOS PEMBIAYAAN RAWATAN	:	Perolehan Pembelian Alat Pengimbas Suhu Infrared Tanpa Sentuh AI Bebas Tangan (<i>Handsfree AI Infra-Red Thermometer</i>), penambahan pembelian pelitup separuh muka dan cecair pembasmi kuman di ibu pejabat yang melibatkan anggaran kos pembelian sebanyak Ringgit Malaysia: Empat Ribu Dua Ratus Empat Puluh Tiga Sahaja (RM 4,243.00)

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN DAN KELULUSAN LEMBAGA PENGURUSAN (BOM) MPC

TAJUK:

**PEMBELIAN PEMBELIAN ALAT PENGIMBAS SUHU INFRARED TANPA SENTUH AI BEBAS
TANGAN (*HANDSFREE AI INFRA RED THERMOMETER*), PENAMBAHAN PEMBELIAN PELITUP
SEPARUH MUKA DAN CECAIR PEMBASMI KUMAN DI IBU PEJABAT.**

1.0 TUJUAN

Kertas cadangan adalah untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC bagi membeli Pembelian Alat Pengimbas Suhu Infrared Tanpa Sentuh Ai Bebas Tangan (*Handsfree Ai Infra Red Thermometer*), penambahan pembelian pelitup separuh muka dan cecair pembasmi kuman di ibu pejabat.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Melalui kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengurusan Bil.357/2020, telah meluluskan pembelian peralatan PPE seperti thermometer infrared(gun), pelitup separuh muka dan cecair/gel pembasmi kuman serta mengadakan taklimat.
- 2.2 Dengan itu, Unit Pentadbiran telah membeli dan menyediakan peralatan tersebut bagi kegunaan warga MPC sebagaimana telah disarankan oleh KKM, MKN dan MITI. Ianya juga sebagai langkah persediaan untuk premis kerajaan yang dibenarkan beroperasi bermula 4 Mei 2020 di fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat(PKPB) dimana tertakluk kepada syarat-syarat dan SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.
- 2.3 Walau bagaimanapun, setelah 3 bulan menggunakan thermometer infra-red(gun), didapati;-
 - i. Petugas kaunter (PKP) tidak dapat mengimbas suhu warga/individu yang masuk ke premis MPC ketika melayan panggilan telefon;
 - ii. Jarak di antara PKP dan individu tersebut kurang dari 1 meter; dan

- iii. Dapat menjimatkan sumber tenaga kerja. PKP hanya seorang sahaja akan berada di kaunter.
- 2.4 Manakala, bekalan bagi pelitup separuh muka dan cecair/gel pembasmi kuman yang disediakan untuk kegunaan warga dan pelanggan adalah semakin berkurangan.

3 CADANGAN PEMBELIAN DAN KOS TERLIBAT

- 3.1 Unit Pentadbiran, MSF mencadangkan pembelian Alat Pengimbas Suhu Infrared Tanpa Sentuh AI Bebas Tangan (*Handsfree AI Infra-Red Thermometer*) adalah sebanyak dua (2) unit untuk digunakan di Blok Inovasi dan Blok Produktiviti. Penggunaan thermometer tersebut akan menggantikan cara pengimbasan suhu sedia ada dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:-
- i. Kerja pengimbasan dapat dilakukan secara tanpa kontak terus dengan individu lain;
 - ii. Pendaftaran individu dilakukan secara automasi dengan mudah dan pantas di pintu masuk seperti bangunan pejabat; dan
 - iii. Log kemasukan individu dapat dikawal selia lebih baik.
- 3.2 Alat Pengimbas Suhu Infrared Tanpa Sentuh AI Bebas Tangan (*Handsfree AI Infra-Red Thermometer*) ini dilengkapi dengan aksesori standard seperti:
- i. Tripod berukuran 2.1 meter;
 - ii. Bateri yang boleh dicas semula; dan
 - iii. Kabel sepanjang 2 meter.
- 3.3 Oleh yang demikian, langkah saringan setiap individu sebelum dibenarkan masuk ke premis dapat dilakukan dengan lebih efektif. QR Code (My Sejahtera) juga akan dipamerkan dan perlu diimbas untuk pendaftaran.
- 3.4 Unit Pentadbiran juga mencadangkan pembelian tambahan bagi pelitup separuh muka (50 kotak) dan cecair/gel pembasmi kuman (50 botol) untuk kegunaan di ibu pejabat.

3.5 Berikut merupakan jadual barang dan harga mengikut kuantiti yang diperlukan:-

Bil.	Perkara	Harga/Unit (RM)	Kuantiti	Jumlah (RM)
1	Alat Pengimbas Suhu Infrared Tanpa Sentuh AI Bebas Tangan Lampiran 1	399.00	2 buah	798.00
2	Pelitup separuh muka(3-ply, ear loop) Lampiran 2	30.00	50 kotak (6%SST)	1,500.00 90.00
3	Cecair/gel pembasmi kuman(500ml-liquid pump) Lampiran 2	35.00	50 botol (6%SST)	1,750.00 105.00
		Jumlah		4.243.00

3.6 Dengan itu, dicadangkan pembelian Alat Pengimbas Suhu Infrared Tanpa Sentuh AI Bebas Tangan (*Handsfree AI Infra-Red Thermometer*), penambahan pembelian pelitup separuh muka dan cecair pembasmi kuman.melibatkan anggaran kos sebanyak **Ringgit Malaysia : Empat Ribu Dua Ratus Empat Puluh Tiga Sahaja (RM 4,243.00)** berdasarkan sebutharga yang diperolehi dari pembekal seperti di Lampiran 1 dan 2.

4 SYOR

Lembaga Pengurusan adalah dipohon untuk **mempertimbangkan dan meluluskan permohonan pembelian** Alat Pengimbas Suhu Infrared Tanpa Sentuh AI Bebas Tangan (*Handsfree AI Infra Red Thermometer*), penambahan pembelian pelitup separuh muka dan cecair pembasmi kuman di ibu pejabat **seperti dicadangkan diatas dengan anggaran kos Ringgit Malaysia: Empat Ribu Dua Ratus Empat Puluh Tiga Sahaja (RM 4,243.00)** menggunakan peruntukan mengurus.

	Disediakan	Disemak
Nama	Norashima Hamzah	Mohd Hilmi Mohd Idris
Jawatan	Penolong Pengurus	Pengurus
Tarikh	5 Ogos 2020	5 Ogos 2020